

18/10/1998

Anwar diberi layanan VIP

Kadir Dikoh in Tokyo

TOKYO: Datuk Seri Anwar Ibrahim diberikan layanan setaraf dengan orang kenamaan (VIP) ketika dalam tahanan di penjara sementara menunggu perbicaraannya bulan depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya difahamkan beliau (Anwar) dilayan seperti VIP. Beliau diberi makanan istimewa, biliknya berlainan daripada tahanan biasa.

"Biasanya mereka menempatkan sekumpulan banduan dalam satu sel tetapi saya diberitahu beliau diberikan satu bilik khas untuk dirinya, diberikan tilam, diberikan layanan amat istimewa," kata Perdana Menteri.

Menjawab soalan dalam temu ramah khas dengan lapan pertubuhan media Jepun, di sini semalam, Dr Mahathir berkata bekas Timbalan Perdana Menteri itu diberi layanan istimewa walaupun undang-undang menetapkan setiap orang diberi layanan serupa tanpa mengira kedudukan mereka ketika dalam penjara.

Beliau yang kini dalam lawatan lima hari ke Jepun, ditanya mengenai kebimbangan Presiden Indonesia, B J Habibie dan Presiden Filipina, Joseph Estrada serta pertubuhan hak asasi manusia mengenai layanan kepada Anwar sejak penahanannya pada 20 September lalu.

Anwar yang dipecat pada 2 September lalu, kemudian ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikutan beberapa demonstrasi oleh penyokongnya.

Selepas dibebaskan daripada tahanan ISA Rabu lalu, beliau ditahan reman di Penjara Sungai Buloh sementara menunggu perbicaraannya mulai 2 November ini, terhadap empat tuduhan rasuah.

Mengenai cadangan Estrada supaya Anwar dikenakan tahanan kediaman dan bukannya dilayan seperti penjenayah biasa, Perdana Menteri berkata: "Beliau diberi layanan yang amat istimewa. Saya rasa Estrada boleh pergi melihatnya sama ada layanan yang diberikan betul atau tidak."

Sepanjang temu ramah sejam itu, Dr Mahathir ditanya banyak kali mengenai layanan polis terhadap Anwar berikutan kehadirannya di mahkamah dengan kesan lebam di muka dan mata kirinya.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri turut terkejut kerana adalah luar biasa bagi polis mencederakan seseorang sehinggakan seluruh dunia akan mengetahuinya kerana tanggapan terhadap polis akan menjadi buruk.

Malah, katanya, ada tuduhan beliau sendiri menumbuk Anwar atau telah mengarahkan polis berbuat demikian.

"Tuduhan ini adalah gila... perkara ini berlaku dalam tahanan polis, oleh itu kita harus menyiasat siapa yang melakukannya dan akan mengambil langkah yang perlu terhadap mereka terbabit," katanya.

Beliau menegaskan, tiada apa yang akan disembunyikan dalam siasatan mengenai dakwaan kekasaran polis terhadap Anwar. Laporan mengenai siasatan itu akan diserahkan kepada Peguam Negara yang akan memutuskan tindakan selanjutnya.

"Bagi pihak kerajaan, ia tidak akan menyembunyikan apa-apa. Ia tidak baik bagi kerajaan," katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu media Jepun, mahkamah mengeluarkan larangan kepada orang ramai daripada membincangkan sama ada Anwar bersalah atau tidak dalam kes perbicaraannya dan beliau terikat dengan arahan itu.

(END)